



## NOTIS PEMAKLUMAN ANGGOTA

Rujukan Kami: 426/Syariah/KOBIMBING/2021

Tarikh : 11 Oktober 2021

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

### **PEMAKLUMAN BERKENAAN AKAD PENGENDALIAN TABUNG PERLINDUNGAN KREDIT**

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Syariah 04/2021 pada 11 Oktober 2021 telah membuat semakan terhadap tatacara pengendalian Tabung Perlindungan Kredit dan meluluskan penambahbaikan berikut :

- i. Tabung Perlindungan Kredit ini distrukturkan menggunakan dua kontrak Syariah iaitu Tabarru' dan Wakalah.
- ii. KOBIMBING boleh mengambil sebahagian dari amaun sumbangan peserta sebagai Fi Wakalah dan selebihnya dimasukkan ke dalam Tabung Perlindungan Kredit berdasarkan akad Tabarru'.

2. Anggota boleh merujuk Helaian Penerangan berkaitan ciri-ciri tabung ini.

3. Pelaksanaan akad ini akan berkuatkuasa untuk semua akaun pembiayaan yang masih aktif dan akaun-akaun baru mulai 11 Oktober 2021.

4. Keputusan ini adalah selaras dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Majlis Penasihat Syariah BNM ke-4 yang diadakan pada 24 April 2002 yang telah memutuskan bahawa model perniagaan takaful berasaskan tabarru' dan wakalah adalah dibenarkan. Kontrak wakalah perlu dimaterai antara peserta dengan syarikat takaful manakala kontrak tabarru' perlu dimaterai dalam kalangan peserta.

5. Sebarang maklum balas atau pertanyaan, boleh menghubungi Puan Nurul Nadiah (pegawai Syariah KOBIMBING) di talian 012-9982582 atau emel [nurulnadiyah@kobimbing.com.my](mailto:nurulnadiyah@kobimbing.com.my).

Yang benar,

**KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN BIMB HOLDINGS MALAYSIA BERHAD**

**MAHMOOD JUSOH**

Ketua Pegawai Eksekutif